

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
(TUARAN)**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil ke atas keterangan oleh Jabar Khan seperti yang terkandung dalam hansard Parlimen 26 Februari 2007 bahawa UMNO Sabah terlibat memberi kad pengenalan biru kepada PTI dan menjadikan mereka pengundi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah (RCI) pada 06 September 2012 dan antara peranan Suruhanjaya adalah untuk menyiasat berhubung pemberian kad pengenalan biru kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dengan mengambil keterangan saksi namun tidak tertakluk kepada pemeriksaan balas. Justeru, dakwaan bahawa terdapat kad pengenalan yang diberikan kepada PATI adalah merujuk kepada kad pengenalan yang diperolehi dengan cara yang mencurigakan atau dikeluarkan secara tidak teratur oleh sindiket dan orang yang tidak bertanggungjawab, sebagaimana yang dibangkitkan oleh saksi-saksi dari kalangan ahli politik, penulis, wartawan dan orang awam di dalam prosiding RCI.

Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah melaksanakan semakan semula dan siasatan termasuk memanggil semula pemegang Kad Pengenalan yang disyaki dikeluarkan secara tidak teratur dan tidak sah. Proses semakan ini dilaksanakan secara berterusan dan Kad Pengenalan yang dikeluarkan secara tidak teratur telah dibatalkan atas beberapa sebab antara lainnya sebab kematian, tidak hadir untuk siasatan atau permohonan dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat kelayakan mengikut perundangan yang berkuat kuasa.